

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepc.com



**FALSAFAH PELAN STRATEGIK UNIVERSITI AWAM
MALAYSIA MELALUI PENGALAMAN AHLI AKADEMIK
EKSPATRIAT DALAM MENGORAK REPUTASI UNIVERSITI
SEBAGAI HAB KECEMERLANGAN AKADEMIK
DI PERSADA ANTARABANGSA**

*THE PHILOSOPHY STRATEGIC PLANNING PUBLIC UNIVERSITY OF
MALAYSIA THROUGH EXPATRIATE ACADEMICS EXPERIENCES IN
BUILDING THE UNIVERSITY'S REPUTATION AS A HUB OF ACADEMIC
EXCELLENCE ON AN INTERNATIONAL LEVEL*

Muhammad Safuan Yusoff^{1*}, Irma Wani Othman^{2*}, Mohd Kamal Mohd Shah^{3*}, Mohd Sohaimi Esa⁴, Abang Mohd Razif Abang Muis⁵, Syamsul Azizul Marinsah⁶ & Habibah @ Artini Ramlie⁷

¹ Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah
Email: safuan_y@yahoo.com

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my

³ Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah
Email: mkamalms@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: msohaimi@ums.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: amrazif@ums.edu.my

⁶ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: syamsulazizul@ums.edu.my

⁷ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: habibah_artini@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Abstrak:

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah dirangka secara khusus dengan menggariskan sepuluh (10) lonjakan bagi mencapai kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi di

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

To cite this document:

Yusoff, M. S., Othman, I. W., Shah, M. K. M., Esa, M. S., Abang Muis, A. M. R., Marinsah, S. A., & Ramlie, H. (2021). Falsafah Pelan Strategik Universiti Awam Malaysia Melalui Pengalaman Ahli Akademik Ekspatriat dalam Mengorak Reputasi Universiti Sebagai Hab Kecemerlangan Akademik di Persada Antarabangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (39), 56-73.

DOI: 10.35631/IJEPC.639003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Malaysia sekali gus menjadi hab kecemerlangan akademik di persada antarabangsa. Sejajar dengan itu, objektif kajian adalah untuk menelusuri pengalaman modal insan antarabangsa dalam membantu mengorak keterlibatan reputasi universiti awam Malaysia di peringkat antarabangsa. Namun perbahasan yang timbul menjurus kepada pengambilan sumber manusia antarabangsa yang dikatakan tidak mempunyai kesan jangka masa panjang terhadap pembangunan sesebuah universiti. Bertitik tolak dari perdebatan tersebut, perbincangan dalam kertas kerja ini menerokai pengalaman sumber manusia antarabangsa dalam memberi sumbangan positif kepada universiti awam sejajar dalam usaha mengukuhkan kedudukan dan statusnya sebagai sebuah institusi pengajian yang berprestij, agar seiring dengan peralihan kontemporari pendidikan tinggi. Pendekatan naratif mengutilisakan seleksi dialog asal serta melibatkan 20 ahli akademik ekspatriat yang menepati kriteria bermastautin dengan visa pekerja, berstatus seorang ekspatriat berinisiatif sendiri, bukan dikelasifikasi staff pertukaran antara universiti, mahupun yang sedang menjalani cuti sabatical. Sumbangan kajian ini berupaya mengalihkan tumpuan kontekstual literatur pengantarabangsaan institusi pengajian tinggi yang sebelum ini dikatakan bertumpu dalam menjana pendapatan sesebuah universiti, kepada suatu pengalaman sumber manusia yang berharga dalam menyumbang terhadap keterlibatan reputasi universiti di peringkat global. Dapatan kajian turut menyisipkan satu dimensi lanjutan dengan mengemukakan pemahaman terperinci tentang mobiliti sumber manusia antarabangsa serta memperkenalkan satu dimensi baru yang menawarkan pemahaman lebih mendalam berhubung keterlibatan reputasi universiti di peringkat antarabangsa. Kajian ini berupaya menawarkan bukti khusus bagaimana ahli Akademik Ekspatriat menilai pengalaman ekspatriasi mereka dengan melakukan pemilihan universiti awam sebagai tempat berkerjaya. Manakala hasil kajian diharapkan berupaya menjadi maklumat berguna bagi universiti awam dalam melaksanakan dasar atau polisi perancangan strategik alternatif masa hadapan, seterusnya menentukan senario pendidikan tinggi Malaysia.

Kata Kunci:

Pengalaman Ekspatriasi, Ahli Akademik Ekspatriat, Reputasi, Dasar dan Polisi Pengantarabangsaan, Universiti Awam Malaysia

Abstract:

The Malaysian Education Development Plan 2015-2025 (Higher Education) has been specifically formulated by outlining ten (10) leaps to achieve continuous excellence in the higher education system in Malaysia thus becoming a hub of academic excellence on an international level. In line with that, the objective of the study is to trace the experience of international human capital in helping to shape the involvement of the reputation of Malaysian public universities on an international level. However, the debate that leads to the recruitment of international human resources is said to have no long-term impact on the development of a university. The discussion in this paper explores the experience of international human resources in making positive contributions to public universities in line with efforts to strengthen its position and status as a prestigious educational institution, in line with the contemporary transition of higher education. The narrative approach utilises a selection of original dialogues and involves 20 expatriate academics who meet the criteria of residency with a work visa, having the status of a self-initiated expatriate, are not classified as inter-university exchange staff, nor are on sabbatical leave. The contribution of this study is able to shift the contextual focus of the internationalisation literature of

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

higher education institutions which was previously said to focus on generating income of a university, to a valuable human resource experience in contributing to the involvement of the university's reputation globally. The findings of the study also insert an advanced dimension by presenting a detailed understanding of human resource mobility as well as introducing a new dimension that offers a deeper understanding of the university's reputation involvement on an international level. This study seeks to offer specific evidence of how expatriate academics evaluate their expatriation experience by selecting a public university as a career place. While the results of the study are expected to be useful information for public universities in implementing alternative strategic planning policies for the future, further determining the scenario of Malaysian higher education.

Keywords:

Expatriation Experience, Expatriate Academics, Reputation, Internationalisation Foundation and Policy, Malaysian Public Universities

Pengenalan

Sistem pendidikan tinggi di Malaysia telah memperlihatkan perkembangan pesat dan semakin kukuh sejak beberapa dekad lalu (Irma Wani Othman, 2020c). Dalam tempoh masa sepuluh tahun lalu, pertambahan enrolmen pelajar tempatan mahupun pertumbuhan mendadak bilangan pelajar antarabangsa dilihat semakin ketara dari tahun ke tahun (MOE, 2019). Selain itu peningkatan pengiktirafan di peringkat antarabangsa kian menyerlah meliputi pelbagai aspek seperti penerbitan, hasil penyelidikan, paten, dan kualiti institusi. Pencapaian yang dikecapi pada masa kini adalah hasil sumbangan daripada daya usaha dan inovasi komuniti ahli akademik profesional di Malaysia. Pada tahun 2013, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah mula merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) yang mana digubal dalam tempoh dua tahun dari pelbagai sumber maklum balas daripada pakar-pakar pendidikan yang ada Malaysia dan di peringkat antarabangsa serta para pemimpin Institusi Pengajian Tinggi Awam dan masyarakat umum bagi memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi (MOE, 2021).

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dimeterai pada 27 Ogos 2007 merupakan asas transformasi pengajian tinggi negara. Dua puluh buah universiti awam bertanggungjawab mendokong misi setiap universiti bagi menuju ke arah pengantarabangsaan melalui jalinan hubungan kukuh di peringkat global, melicinkan aktiviti pertukaran warga akademik, penyelidik dan pelajar, mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif kepada pelajar antarabangsa dan meningkatkan promosi serta aktiviti perekutan ekspatriat akademik (Irma Wani, Mohd Kamal, Muhammad Safuan & Anna Lynn, 2021a). Dari tahun 2004, penarafan institusi pengajian tinggi dilaksanakan oleh The Times Higher Education Supplement (THES) bertujuan memperlihatkan ketersediaan intelektual dan pengiktirafan kesarjanaan bagi sistem pendidikan tinggi di sesebuah negara. Perbahasan sering timbul sama ada amalan penarafan sesebuah universiti yang diiktiraf berstatus antarabangsa dikatakan bukanlah semata-mata berdasarkan aspek kecemerlangan akademik yang dinilai melalui 'hasil' tetapi juga 'proses' yang ditempuhi oleh universiti tersebut (Al-Haque, 2019). Hal ini meletakkan sumber manusia antarabangsa terdiri dari komuniti sarjana dan pelajar antarabangsa sebagai salah satu dari elemen kritikal menyumbang kepada kewujudan liberalisasi pembudayaan ilmu seterusnya berperanan menyuburkan iklim

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions akademik universiti (Irma Wani, Muhammad Safuan, Hasbullah & Herlina, 2016a; Irma Wani, Muhammad Safuan, Hasbullah & Herlina 2016b).

Dasar pengantarabangsaan universiti awam Malaysia memperlihatkan komitmen setiap universiti dalam pelbagai aspek menuju ke arah pengantarabangsaan pendidikan tinggi. Justeru itu kebolehupayaan universiti awam dalam memastikan kapasiti ahli akademik ekspatriat yang bukan sahaja berkelayakan tetapi juga berpengalaman bagi mengisi perjawatan, serta memastikan pengekalan kakitangan antarabangsa mendasari pembangunan sumber manusia universiti tersebut (Irma Wani, Nur Hidayah Iwani, Bakar & Muhammad Safuan, 2018a). Manakala peningkatan bilangan pelajar antarabangsa juga dilihat sebagai aspek penting dalam mencapai status antarabangsa sesebuah universiti (Madge, Raghuram & Noxolo, 2015). Pembinaan komuniti kampus yang mempunyai ciri masyarakat transnasional merupakan aspirasi bagi setiap universiti yang bertaraf dunia. Namun cabaran terbesar pihak pengurusan universiti adalah memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan dalam kurikulum universiti tidak diketepikan dalam mencapai sasaran pengambilan pelajar antarabangsa (Herlina, Irma Wani, Norazah, Muhammad Safuan & Hasbullah, 2018). Jaminan kualiti kandungan akademik iaitu merangkumi komponen pengajaran dan pembelajaran mestilah menjadi tarikan jati mobiliti golongan pelajar dari luar negara dalam memilih melanjutkan pengajian di sesebuah universiti dan bukanlah gimik pemasaran semata-mata (Irma Wani, Muhammad Safuan, Siti Aidah, Romzi, Abang Mohd Razif & Mohd Kamal, 2020b). Dalam konteks tersebut, hubungan di antara pengalaman sumber manusia antarabangsa dan peningkatan mobiliti sarjana dan pelajar antarabangsa menyumbang ke arah keterlihatan reputasi universiti di peringkat antarabangsa.

Sorotan Literatur

Diaspora kerjaya akademik ekspatriat berkembang seiring dengan kehendak pasaran antarabangsa. Pengalaman antarabangsa dalam kajian ini dikaitkan dengan pengalaman ekspatriasi dua aktor komuniti universiti iaitu akademik ekspatriat dan pelajar antarabangsa (Irma Wani, 2021a). Akademik ekspatriat didefinisikan sebagai ‘profesor dan kakitangan bukan profesor serta individu yang terlibat dalam penyelidikan dan profesi mengajar (Irma Wani, Muhammad Safuan, Mohd Sohaimi, Mohd Azri, Budi Anto & Mohd Kamal, 2020a), Dari segi bilangan ahli akademik antarabangsa peningkatan pengisian perjawatan memberi indikasi Institusi Pengajian Tinggi mempunyai kebergantungan yang besar terhadap akademik ekspatriat (MOE, 2019).

Kajian Irma Wani *et al.*, (2020a), Muhammad Safuan, Irma Wani, Norazah & Rudie Adie, (2015) dan Muhammad Safuan, Irma Wani, Rudie Adie & Norazah, (2016) mengenal pasti pertambahan bilangan akademik ekspatriat di IPTA Malaysia mewajarkan kepekaan pengurusan sumber manusia antarabangsa agar lebih peka terhadap keperluan sistem pampasan gaji yang lebih kompetitif dan peluang pembangunan kerjaya yang dinamik. Manakala fokus perbincangan literatur berhubung pelajar antarabangsa tertumpu pada aspek faktor pendorong kedatangan pelajar ke luar negara dan asimilasi budaya pelajar (Choudaha, 2018; Nicholls, 2018; Irma Wani, Hasbullah, & Norazah, 2019a; Irma Wani, Herlina & Norazah, 2019b). Maka fenomena yang dikaji merujuk bagaimana pengalaman ekspatriasi menjelaskan sumbangan mereka terhadap proses pengantarabangsaan institusi pengajian tinggi dan impak ke atas keterlihatan reputasi universiti di persada dunia.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Globalisasi dan liberalisasi merupakan pemangkin vital dalam merombak ketamadunan pendidikan tinggi (Farina, Koo, & Yazrina, 2015). Konsep globalisasi memperlihatkan ketamadunan masyarakat warganegara global tanpa sempadan dari aspek perkongsian ilmu (Shahijan, Rezaei & Preece, 2016). Manakala konsep liberalisasi membuka ruang pasaran bebas dan perdagangan terbuka antara negara bagi merangsang teknologi pendidikan antarabangsa (Shahijan, Rezaei & Preece, 2016). Fenomena tersebut dikaitkan dengan istilah pendidikan global yang mencerna mobiliti sumber manusia untuk bereksportasi ke destinasi pilihan bagi tujuan berkerjaya bagi sarjana akademik dan melanjutkan pendidikan tinggi bagi golongan pelajar antarabangsa (Irma Wani *et al.*, 2016b). Sistem pendidikan tinggi yang berwibawa bercirikan daya saing bagi membolehkannya mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Menurut Miandy dan Azirah, (2019). pengakreditasian antarabangsa terhadap sistem pendidikan tinggi di sesbuah negara membawa indikasi penerimaan komuniti antarabangsa terhadap kesihihan reputasi sistem pendidikan tinggi yang didokong oleh negara tersebut Pengiktirafan ini dianggap mandatori dalam usaha mewujudkan daya saing serta melengkapkan golongan siswazah bermutu dan berkelayakan di peringkat global. Manakala penjenamaan tersebut turut memberi impak strategi pemilihan kakitangan antarabangsa di mana ianya meletakkan penanda aras baru pengambilan kakitangan akademik dari negara luar dinilai berdasarkan kesarjanaan akademik dalam bidang kepakaran dan kredibiliti ketokohan yang mampu membawa universiti ke tahap kecemerlangan.

Pelbagai usaha telah dijalankan bagi mempergiatkan aktiviti pengantarabangsaan dengan memberi fokus kepada peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa yang menuntut di institusi pengajian tinggi awam di negara ini. UNESCO telah meletakkan Malaysia di tangga ke 9 sebagai destinasi pilihan bagi pelajar antarabangsa bagi melanjutkan pengajian tinggi dalam satu Kajian Mobiliti Pelajar Antarabangsa. Hal tersebut jelas memperlihatkan bahawa kehadiran pelajar antarabangsa yang ramai saban tahun telah menjadi sebagai penanda aras dan kayu pengukur yang positif dalam menunjukkan Malaysia berupaya mempertahankan keunggulannya di mata dunia sebagai lokasi tumpuan dalam mendapatkan peluang melanjutkan pendidikan tinggi khususnya bagi pelajar antarabangsa yang berasal dari negara Asia dan Asia Barat (Berita RTM, 2016). Jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat jumlah kemasukan pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi awam Malaysia dalam tempoh masa sedekad dari tahun 2010 sehingga 2019 (MOE, 2019). Secara keseluruhannya selama sedekad yang lalu sehingga tahun 2019, jumlah pelajar antarabangsa yang telah melanjutkan pengajian di negara ini adalah seramai 274,913 ribu orang. Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi menunjukkan bahawa terdapat peningkatan jumlah pelajar antarabangsa secara konsisten di Malaysia pada tahun 2016 sehingga tahun 2019 iaitu pada tahun 2016 seramai 25,824 orang, meningkat kepada 27,766 pada tahun 2017, pada tahun 2018 seramai 30,341 orang dan terus meningkat kepada 32,404 pada tahun 2019.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Jadual 1: Jumlah Kemasukan Pelajar Antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi

Awam Malaysia dari Tahun 2010 sehingga 2019

Tahun	Jumlah Kemasukan Pelajar Antarabangsa di IPTA
2010	24,214
2011	25,855
2012	26,232
2013	28,830
2014	27,042
2015	26,405
2016	25,824
2017	27,766
2018	30,341
2019	32,404
Jumlah	274,913

Sumber: <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/awam/statistik> (Dari Tahun 2010-2019)

Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes merupakan pilihan kajian ini di mana teknik temu bual separa berstruktur diaplikasikan bagi mendapatkan terperincian maklumat berhubung isu yang dikaji (Babbie, 2017). Pemilihan empat universiti awam sebagai institusi kajian kes bertujuan memberikan perspektif mikro pengalaman sumber manusia antarabangsa yang melibatkan dasar pengantarabangsaan sistem pendidikan tinggi di negara ini. Seramai 20 orang informan terlibat dalam pengumpulan data dan mereka adalah kakitangan akademik (yang dikenali sebagai akademik ekspatriat) yang berada dalam tempoh perkhidmatan dan sekurang-kurangnya pernah membaharui sekali kontrak perkhidmatan di universiti awam yang terpilih. Teknik persampelan bukan kebarangkalian telah menggariskan kriteria bagi informan yang berkhidmat lebih dari setahun tetapi kurang dari sepuluh tahun sebagai akademik ekspatriat bagi mengelakkan unsur bias (Eriksson and Kovalainen, 2016).

Kaedah temu bual kajian ini dilaksanakan dengan memberi fokus pada tiga perspektif utama iaitu pertama adalah untuk mengkaji pengalaman ekspatriasi golongan akademik ekspatriat dalam mempengaruhi pandangan mereka terhadap reputasi universiti awam di Malaysia sebagai universiti yang relevan di peringkat global. Seterusnya mengenal pasti isu, senario dan tren pengantarabangsaan yang dikemukakan oleh informan dalam temu bual serta dikaitkan dengan perubahan liberalisasi pendidikan tinggi era kini. Akhir sekali soalan yang diajukan berusaha merungkai pandangan peribadi informan dan cadangan mereka terhadap falsafah pelan strategik universiti awam malaysia bagi menjadi hab kecemerlangan akademik di persada antarabangsa. Proses analisis data induktif menggunakan teknik tematik telah melalui beberapa peringkat pembinaan konsep dan tema (Flick, 2014). Berdasarkan catatan transkripsi temu bual mendalam tersebut pengkaji mengaplikasikan analisa tematik menerusi pengekodan dan pengkategorian (Creswell, 2014), seterusnya melahirkan corak dan tema yang dijana berdasarkan penilaian pengalaman informan berhubung falsafah pengantarabangsaan universiti awam Malaysia.


Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
 Profil demografi informan kajian ini seperti tersenarai dalam Jadual 2 yang mengandungi empat variabel utama iaitu jantina, umur, status perkahwinan dan tahap pendidikan. Seramai 20 orang responden terlibat dalam kajian ini, 12 orang merupakan lelaki iaitu sebanyak 60.0 peratus. Manakala selebihnya iaitu 8 orang adalah perempuan iaitu bersamaan 40.0 peratus. Majoriti daripada informan kajian tergolong dalam lingkungan usia di antara 50 sehingga 59 tahun, iaitu seramai 9 orang yang mencatat peratusan sebanyak 45.0 peratus. Seterusnya informan kajian yang berusia 40 sehingga 49 tahun telah mencatatkan seramai 6 orang serta membawa kepada peratusan sebanyak 30.0 peratus. Lingkungan informan kajian yang berusia melebihi 60 tahun pula adalah seramai 5 orang, iaitu bersamaan 25.0 peratus. Kesemua informan terdiri daripada mereka yang sudah berkahwin dan mempunyai tahap pendidikan tertinggi di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Jadual 2: Profil Demografi Informan Kajian

Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	12	60.0
Perempuan	8	40.0
<i>Umur (Tahun)</i>		
40-49	6	30.0
50-59	9	45.0
>60	5	25.0
<i>Status</i>		
Berkahwin	20	100.0
<i>Tahap Pendidikan</i>		
Ijazah Doktor Falsafah (PhD)	20	100.0

Hasil Penyelidikan

Pengalaman dari kalangan ahli akademik antarabangsa diperoleh menggunakan penilaian retrospektif terhadap pengalaman mereka sepanjang tempoh berada di negara ini dikaitkan dengan dasar pengantarabangsaan universiti awam Malaysia. Secara umum hasil dapatan mencadangkan pengalaman multidimensi dan dinamik di mana informan menggunakan satu dimensi atau tema untuk menerangkan tema yang lain di mana ianya menekankan perluasan tema berkaitan interaksi dan hubungan sosial. Antara tema yang diketengahkan adalah seperti berikut:



Rajah 1: Pengalaman Ahli Akademik Ekspatriat dalam Mengorak Reputasi Universiti Malaysia Sabah di Peringkat Antarabangsa

Penarafan Universiti

Penarafan universiti awam di Malaysia sebagai universiti bertaraf antarabangsa dibincangkan oleh Akademik Ekspatriat 2 di bawah secara khusus merujuk kepada kaedah dan skop penarafan itu sendiri. Kaedah menilai ketersediaan intelektual dan pengiktirafan kesarjanaan universiti awam sebagai institusi pengajian tinggi lebih menekankan kepada ‘hasil’ pencapaian kecemerlangan akademik di universiti awam melalui kelayakan berdasarkan meritokrasi universiti terkemuka dunia (Suryandari, Jaafar dan Hamzah, 2014).

“Secara jujur saya rasakan sistem meritokrasi diwujudkan bagi memberi cabaran untuk menggalas tanggungjawab membentuk sebuah sistem pendidikan yang standing dengan negara maju. Namun kebanyakan universiti awam masih lagi dalam pencarian idealism dan pembentukan intelektualisme universiti yang dianggap masih muda lagi. Penarafan universiti awam sebagai universiti bertaraf antarabangsa haruslah dilakukan dengan menggunakan kaedah dan skop penarafan kita sendiri. Kita masih lagi jauh untuk duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan universiti seperti Oxford, Cambridge atau Harvard. Namun begitu, pencapaian kecemerlangan akademik yang dicatatkan oleh universiti awam di Malaysia boleh dibanggakan melalui niche’ yang dibawa oleh universiti itu sendiri di persada antarabangsa. Saya rasa itu sudah mencukupi untuk menarik perhatian dunia tentang kelebihan kita.” (Akademik Ekspatriat 2)

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Komitmen yang ditunjukkan oleh universiti awam dapat dilihat melalui penubuhan Pusat Hal Ehwal Hubungan Antarabangsa di setiap universiti yang bertanggungjawab mendokong misi universiti menuju ke arah pengantarabangsaan melalui jalinan hubungan kukuh di peringkat global, melicinkan aktiviti pertukaran warga akademik, penyelidik dan pelajar, mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif kepada pelajar antarabangsa dan meningkatkan promosi serta aktiviti perekutan ekspatriat akademik (Irma Wani *et al.*, 2016a; Irma Wani *et al.*, 2021a). Ini dapat dilihat melalui pernyataan di bawah:

“Apa yang saya faham, Pusat Hal Ehwal Hubungan Antarabangsa Universiti ini bertanggungjawab secara langsung untuk memastikan matlamat dan objektif universiti dicapai. Dalam konteks tersebut, peranan yang dimainkan oleh pusat tersebut sangat vital dalam memperkuuh ketampakan reputasi universiti dalam kaca mata antarabangsa. Ianya tanggungjawab yang berat kerana semua aktiviti pengantarabangsaan dilaksanakan membawa implikasi bukan sahaja kepada universiti ini sebagai sebuah universiti awam di Malaysia. Malahan ianya melibatkan kepentingan negeri dan negara juga.” (Akademik Ekspatriat 10)

Antara inisiatif yang dilaksanakan meliputi perkara seperti (a) mengadakan “road-shows” yang melibatkan “international education fairs” bagi menarik lebih ramai kakitangan akademik dan pelajar antarabangsa; (b) memperhebatkan lagi hubungan kolaborasi penyelidikan antarabangsa menggunakan “niche areas” kepakaran akademik bagi memperoleh geran penyelidikan dan penerbitan antarabangsa; (c) menggalakkan penglibatan bersama (*collaborating partners/institutions*) dengan memasuki MoU dan MoAs di peringkat antarabangsa; (d) membentuk unit-unit penyelidikan bekerjasama dengan universiti terkemuka bagi tajaan “fellowships” dan (e) menggalakkan jalinan hubungan akademik melalui penyertaan persidangan antarabangsa.

“Saya pernah bertugas di pejabat hal ehwal antarabangsa di beberapa buah universiti sebelum mengambil tawaran bekerja di sini. Secara peribadi saya rasanya ianya sangat berat kerana tanggungjawab utama universiti dewasa ini adalah menjana pendapatan dari pelajar antarabangsa. Dalam konteks universiti ini yang saya lihat mempunyai kebergantungan tinggi terhadap enrolmen pelajar antarabangsa. Maka universiti harus tegar meneroka peluang menggalakkan pengambilan pelajar antarabangsa dengan mewujudkan pejabat rantau di negara berpotensi seperti China dan beberapa negara kejiranan yang lain. Hubungan antara negara haruslah juga dieratkan bagi mendapatkan timbal balik penghantaran pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di negara ini.” (Akademik Ekspatriat 16)

Namun dari perspektif sarjana akademik pula amalan penarafan sebuah universiti yang berusaha untuk diiktiraf bagi mendapatkan status antarabangsa dikatakan bukanlah semata-mata berdasarkan aspek kecemerlangan akademik yang dinilai melalui ‘hasil’ tetapi juga ‘proses’ yang ditempuhi oleh universiti tersebut (Miandy & Azirah, 2019). Proses dalam melahirkan staf akademik berkualiter dan memartabatkan kesarjanaan ilmu serta dasar proaktif merujuk komitmen kerajaan dalam usaha menjadikan sistem pendidikan tinggi di negara ini mencapai penarafan antarabangsa dan ini dapat dilihat melalui kenyataan di bawah:

“Saya lebih suka membicarakan tentang bagaimana Universiti Awam boleh ‘survive’ dalam proses menuju universiti berstatus antarabangsa. Proses melahirkan ahli akademik yang berkaliber boleh dimulai dengan melibatkan diri dengan peluang kerjasama di unit penyelidikan universiti terkemuka. Jalinan rangkaian akademik dan pihak industri tentunya menghasilkan peningkatan kemahiran berdasarkan bidang kepakaran. Hasil usaha sama tersebut juga membuka peluang untuk kerjasama. Manakala hasil penyelidikan tersebut boleh dikomersialkan bagi menjana pendapatan universiti. Akhirnya setelah berjaya menempah nama dalam ciptaan produk dan inovasi, barulah kitab oleh bercakap tentang keterlihatan reputasi Universiti Awam di peringkat antarabangsa.” (Akademik Ekspatriat 19)

Pemantapan Budaya Ilmu

Pandangan yang dilahirkan oleh informan kajian lebih menjurus asas dan kewujudan sesebuah universiti dengan merujuk kepada iklim akademiknya yang berperanan memantapkan pembudayaan ilmu (Mohd Ismail, & Doria, 2014). Universiti awam di Malaysia mempunyai kepelbagaian warganegara kampusnya sama ada dari kalangan ahli akademik ekspatriat mahupun pelajar antarabangsa (Irma Wani *et al.*, 2016a). Walau bagaimanapun dari aspek pemantapan budaya ilmu kurang inisiatif diambil bagi melahirkan persekitaran budaya ilmu yang kondusif dan matang (Farina, Koo, & Yazrina, 2015). Dengan adanya komuniti akademik yang mesra ilmu dan proaktif berwacana ia mampu memangkinkan persekitaran kampus yang berkualiti dan sinonim dengan iklim akademik universiti ternama. Ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Akademik Ekspatriat 3 dan 15 di bawah:

“Bukan tiada langsung persekitaran pembudayaan ilmu kondusif di semua Universiti Awam ini. Saya sendiri berpengalaman terlibat dengan anjuran pihak perpustakaan Universiti yang mengadakan aktiviti wacana mahasiswa bersama para pensyarah di lobi perpustakaan. Pensyarah dijemput setiap minggu untuk membincangkan secara informal topik-topik menarik. Manakala mahasiswa pula boleh mengambil peluang tersebut untuk bertanyakan apa saja isu-isu semasa yang berkaitan dengan topik tersebut. Itu satu contoh insiden yang merujuk komuniti akademik yang mesra ilmu dan proaktif berwacana. Inisiatif sebegini boleh memangkinkan persekitaran kampus berkualiti dan sinonim dengan iklim akademik universiti tersohor dunia.” (Akademik Ekspatriat 3)

“Sebagai seorang pendidik, saya rasa cara untuk memperkasa budaya ilmu haruslah melalui pembacaan yang bercorak ilmu. Pencarian dan penguasaan ilmu mampu membawa kesan kesejahteraan dan kejayaan dalam hidup seseorang. Apa yang saya lihat universiti awam masih lagi dalam proses memantapkan pembudayaan ilmu dalam kalangan mahasiswa. Jika kita lihat di negara Barat, mahasiswa berlumba-lumba untuk mendalami ilmu yang diperoleh dan mempraktikkan informasi berkenaan dengan inovasi baru. Secara perbandingan, pelajar kita masih lagi di takuk lama iaitu membaca untuk lulus peperiksaan semata-mata. Dalam konteks itu, kita juga masih jauh untuk melahirkan

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
masyarakat kampus yang mempunyai anjakan paradigma yang merubah sikap dan tingkah laku ke arah penjanaan budaya ilmu.” (Akademik Ekspatriat 15)

Selain itu menurut Akademik Ekspatriat 20 kelompok pelajar tempatan pula tidak memanfaatkan kelebihan pelajar antarabangsa yang wujud dalam komuniti mereka (Irma Wani *et al.*, 2018b; Irma Wani, Muhammad Safuan, Mohd Kamal, Romzi, Mohd Sohaimi & Halina Sandera, 2021b). Komuniti akademik yang mantap bermula dengan asas jalinan hubungan sebenar warga kampus yang seronok menerokai ilmu dan berwawasan untuk membina laluan kerjaya dengan penguasaan ilmu yang diperoleh di universiti.

“Saya tidak percaya sama sekali tentang dakwaan yang pelajar antarabangsa hanya membawa masalah kepada pelajar tempatan. Tuduhan itu sama sekali tidak berasas. Kehadiran golongan pelajar antarabangsa boleh dimanfaatkan dalam pelbagai aspek. Mereka datang ke sini dengan budaya, cara pemikiran, latar belakang pendidikan, bahasa, kepercayaan yang berbeza. Jika mereka berusaha untuk mengenali cara kehidupan kita untuk kebaikan diri mereka, jadi sepatutnya kita melakukan perkara yang sama. Saya yakin pelajar tempatan boleh mendapat banyak kebaikan dengan berkawan dan mendekati mereka. Mereka akan pulang ke negara asal masing-masing setelah tamat pengajian. Hubungan jalinan persahabatan boleh dimanfaatkan sekiranya graduan kita mahu mencuba memperoleh pekerjaan di luar negara. Saya rasa ianya satu kerugian akibat pemikiran skeptikal pelajar tempatan.” (Akademik Ekspatriat 20)

Memperluaskan Pangkalan Direktori Kepakaran Universiti Awam dan Polisi ‘Brain-Gain’
Pangkalan direktori kepakaran universiti awam masih belum mencapai kapasiti dan penanda aras universiti bertaraf antarabangsa. Inisiatif ‘brain-gain’ kurang diberi perhatian oleh universiti awam memandangkan kemasukan kakitangan akademik antarabangsa adalah melalui pengiklanan permohonan perjawatan ekspatriat berinisiatif sendiri (Irma Wani *et al.*, 2018a; Othman, Ationg, Esa, Hajimin & Muis, 2021). Universiti awam memerlukan lebih ramai tokoh akademik tersohor yang bukan sahaja dapat menjadi daya penarik terutamanya kepada pelajar dari luar negara malahan menjadi mencetus perkembangan dan pembudayaan ilmuwan bertaraf antarabangsa dan ini disokong melalui pernyataan Akademik Ekspatriat 5 di bawah:

“Salah satu matlamat dasar pengantarabangsaan di semua universiti awam adalah memenuhi pangkalan direktori kepakaran dengan mengambil tokoh akademik tersohor dari universiti berprestij. Jadi saya rasa usaha menawarkan perjawatan kepada ahli akademik ekspatriat bukanlah menjadi isu perbelanjaan yang tidak sepatutnya. Kita harus lebih berfikiran terbuka dengan melihat kepada sumbangan yang boleh diberikan oleh kakitangan antarabangsa. Polisi pengurusan sumber manusia terhadap konsep ‘human capital flight’ atau ‘brain gain’ adalah satu kebiasaan. Bagi golongan ekspatriat yang melakukan ekspatriasi secara berdikari, mereka sentiasa bersedia untuk menerima tawaran menarik bagi universiti yang memerlukan perkhidmatan mereka. Kesediaan dan fleksibiliti ekspatriat bekerja berdasarkan kontrak perkhidmatan yang ditawarkan adalah ciri pekerja global. Saya rasa selagi universiti awam belum mencapai kapasiti dan mendapat penanda aras universiti bertaraf antarabangsa, maka

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
selagi itulah kakitangan antarabangsa dianggap elemen vital dalam pembangunan universiti di Malaysia.” (Akademik Ekspatriat 5)

Menerusi kenyataan Akademik Ekspatriat 14, kebanyakan universiti awam masih berada di tahap kurang membanggakan dalam melahirkan lebih ramai pensyarah muda yang mampu menyambung pelajaran ke peringkat pasca kedoktoran yang sepatutnya dimangkinkan lagi bagi melengkapkan semua ahli akademik dengan ilmu dan kepakaran bidang masing-masing (Shahijan, Rezaei & Preece, 2016).

“Saya kira langkah seterusnya yang perlu diambil oleh universiti awam adalah menggalakkan pensyarah muda yang sudah mempunyai PhD untuk menyambung kepada peringkat pasca PhD. Jika dibandingkan dengan universiti di negara maju, hampir 80% dari pensyarah yang mempunyai PhD berjaya melengkapkan program pasca PhD. Pada pandangan saya tempoh masa menjalani program tersebut adalah peluang untuk membina kepakaran dari ilmu yang diperoleh semasa PhD. Kita perlukan lebih ramai saintis. Dengan cara bekerjasama dengan saintis luar sahajalah kita boleh mendapatkan kolaborasi dengan universiti terkemuka dunia.” (Akademik Ekspatriat 14)

Selain itu polisi menarik saintis luar sepatutnya dimulakan dengan menyediakan peluang pekerjaan menerusi program khas sarjana tempatan untuk meraih pengalaman di luar negara mahupun memasuki dan dipinjamkan ke sektor korporat (Tham, 2013; Azman, Sirat & Ahmad, 2014; Othman *et al.*, 2021). Dari hujah yang diberikan oleh Akademik Ekspatriat 18 di bawah menyatakan peluang pekerjaan untuk kerjasama boleh dilakukan di antara dua pihak berdasarkan prestasi dan bidang kepakaran pihak yang berminat untuk berhijrah sebagai ahli intelektual ke negara ini.

“Polisi menarik saintis luar untuk berkongsi kepakaran dengan universiti tempatan bukan bermaksud kita mencuri kepakaran ahli akademik daripada universiti lain. Kita bekerjasama bagi mendapatkan pengalaman saintis terkemuka yang sememangnya kaya dengan pengetahuan yang boleh dimanfaatkan oleh universiti baru. Program khas di bawah sabatikal mahupun pasca doktoral boleh dirancang untuk staff kita ke tempat mereka. Tidak semestinya mereka datang ke mari. Jika sebelum ini, kita memberi kebebasan kepada pensyarah muda kita untuk mengambil laluan melengkapkan pengajian pasca doktoral mereka. Apa kata jika pihak pembangunan sumber manusia berganding bahu dengan fakulti untuk menggalakkan program pasca kedoktoran dilakukan oleh semua pensyarah muda. Saya percaya kita akan nampak hasilnya.” (Akademik Ekspatriat 18)

Mencipta peluang pekerjaan dan memberikan taraf kewarganegaraan berupaya menarik saintis luar menyumbang kepakaran mereka dan secara tidak langsung menyuburkan iklim akademia di Universiti Awam negara ini (Wadhwa & Jha, 2014). Luahan yang diberikan oleh Akademik Ekspatriat 9 di bawah menjelaskan segalanya:

“Satu perkara yang masih lagi tidak kita ambil berat adalah apabila seseorang ekspatriat menunjukkan kesetiaan untuk tetap berkhidmat dengan universiti, maka

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
ini membawa maksud mereka berminat untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan. Pihak universiti harus peka dengan memberi bantuan menyokong permohonan para ekspatriat yang cuba mendapatkan kerakyatan di sini. Kami adalah golongan professional yang selagi mana berkhidmat akan memberikan pulangan yang terbaik untuk majikan kami. Saya ramai kawan ekspatriat yang berpindah ke Australia kerana pihak universiti tidak menyokong permohonan mereka untuk mendapatkan taraf kerakyatan Malaysia. Ianya suatu yang merugikan bagi pihak universiti awam di negara ini.” (Akademik Ekspatriat 9)

Inisiatif Penyelidikan dan Pembangunan Prasarana (R&D) dan Pembudayaan Inovatif

Masalah yang dihadapi di universiti awam lebih merujuk kepada kerentak birokrasi di mana kesukaran memperoleh geran penyelidikan, malahan ada rungutan yang mendakwa kesukaran untuk membelanjakan geran yang telah diperoleh disebabkan peraturan dan polisi dalaman universiti itu sendiri (Irma Wani et al., 2016a). Ini ditambah lagi dengan isu inisiatif kewangan dan aspek material yang kurang ditumpukan bagi membangunkan prasarana dan penyelidikan (R&D) terutama dalam bidang yang membangunkan teknologi dan produk tempatan. Perkara ini dapat dilihat melalui kenyataan di bawah:

“Sebelum ini kedengaran keluhan penyelidik yang berhadapan dengan masalah sukar membelanjakan geran yang telah diperoleh. Tetapi rungutan seperti itu tidak kedengaran lagi apabila pengurusan penyelidikan mengemaskinikan pendekatan perbelanjaan penyelidikan dengan menyediakan perkhidmatan yang lebih mesra pelanggan.” (Akademik Ekspatriat 1)

“Kita tidak ada masalah dalam pemberian geran dalaman yang berorientasikan niche universiti. Yang menjadi masalah di situ adalah apabila geran yang diperoleh dan berjaya menghasilkan produk tempatan tetapi tidak dipatternkan dan dikomersialkan. Saya tidak pasti sama ada tiada kesinambungan terhadap usaha selanjutnya atau tiada inisiatif untuk memasarkannya. Seperkara lagi mungkin kita kurang melibatkan masyarakat tempatan. Satu contoh libat sama yang baik adalah projek madu lebah kelulut.” (Akademik Ekspatriat 6)

Selain daripada itu, majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini telah melihat bahawa pembudayaan inovatif tidak lagi hanya terhad kepada komuniti profesional dan yang berpendidikan tinggi di dalam Universiti Awam sahaja, malahan ia telah meliputi kepada golongan masyarakat di sekitar kawasan universiti awam tersebut. Dari perspektif tersebut tanggungjawab sosial dalam menjana budaya inovatif dari segi penciptaan barang, pemikiran, sistem dan kaedah baru berpotensi membolehkan universiti awam melibatkan masyarakat umum dalam mengembangkan idea inovatif yang tercipta sebagai salah satu cara memperoleh pengiktirafan antarabangsa. Peningkatan pengkormersialan produk R&D universiti adalah sesuatu yang kritikal bagi memperoleh pengiktirafan dunia dan melahirkan “laureates” dalam kalangan ahli akademik di universiti awam Malaysia. Perkara ini dapat dijelaskan melalui kenyataan di bawah:

“Saya merasakan salah satu elemen penting dalam penyelidikan adalah libat sama masyarakat lokal. Penjanaan penyelidikan mungkin boleh datang dari

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

universiti. Tetapi apabila produk yang dihasilkan dibawa masuk ke dalam pasaran, maka penglibatan masyarakat setempat sama pentingnya. Inovasi penyelidikan haruslah mendapat tempat dalam kalangan umum. Itu adalah cara untuk memperoleh pengiktirafan luar. Mesti ada permintaan terhadap produk yang dihasilkan.” (Akademik Ekspatriat 11)

“Walaupun bukan semua universiti awam berstatus universiti penyelidikan, namun kita tidak dapat lari dari memberikan komitmen sepenuhnya dalam bidang penyelidikan. Apabila produk terhasil, langkah seterusnya adalah memasarkannya bukan sahaja di peringkat nasional, malahan di peringkat antarabangsa.” (Akademik Ekspatriat 12)

Hubungan Baru Industri-Universiti

Faktor ‘universiti muda’ dikatakan penyebab kepada kurangnya hubungan berbentuk industri-universiti di kebanyakan universiti awam negara ini (Suryandari, Jaafar & Hamzah, 2014). Menurut Irma Wani, Mohd Kamal, Muhammad Safuan, Norazah, Hasbullah & Herlina, (2017) pandangan yang diberikan memperlihatkan Universiti Awam Malaysia masih jauh ketinggalan disebabkan dua aspek iaitu kurang kerjasama penyelidikan dan pembangunan menerusi pembiayaan sepenuhnya atau berbentuk geran tambahan dari industri dan ini dapat diketahui melalui maklumat di bawah:

“Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sedia bantu Universiti Awam meningkatkan hubungan dengan pihak industri dari konteks kerjasama penyelidikan. Kita patut ikut contoh seperti UTM yang menjadi sebahagian dari konsortium universiti-industri (UIC) tersohor dunia. Rangkaian gabungan empat pusat penyelidikan iaitu Pusat Integrasi Proses (CPI) di Universiti Manchester, Pusat Kejuruteraan Sistem Proses di Imperial College London (CPSE) dan Pusat Kejuruteraan Proses (CAPEC) di Denmark Technical University telah membantu UTM dalam berkolaborasi dengan lebih dari 200 rakan industri luar.”

(Akademik Ekspatriat 17)

Jika dilihat dari sudut positif melalui kenyataan Akademik Ekspatriat 7, banyak kelebihan yang dapat diperoleh oleh universiti awam melalui perlantikan ahli Akademik Ekspatriat yang berkhidmat di negara ini. Ini kerana setiap daripada mereka pastinya mempunyai pengalaman luas dan ilmu kepakaran sebagai seorang perunding profesional bagi menangani permasalahan dan keperluan industri, serta mampu menjadi salah satu daripada punca penjanaan pendapatan universiti yang sekali gus mampu mencerna hubungan jangka masa panjang dengan pihak industri (Irma Wani *et al.*, 2018a).

“Universiti awam mesti mencari peluang untuk bekerjasama dengan badan profesional dan pakar runding bertauliah. Kakitangan antarabangsa yang ada di setiap Universiti awam itu sendiri pastinya mempunyai pengalaman yang luas. Pengamal profesional yang terdiri dari saintis bertauliah, ahli teknologi bertauliah, jurutera profesional, pengurus tenaga bertauliah dan pegawai kesihatan bertauliah. Mereka semua bukan sahaja mempunyai pengalaman industri yang banyak, tetapi juga layak memberi rundingan, autoriti sah dalam

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
mengurus projek mengikut bidang kepakaran masing-masing.” (Akademik Ekspatriat 7)

Kerjasama penyelidikan peringkat antarabangsa yang melibatkan universiti terkemuka mampu memantapkan lagi kepakaran ahli akademik sekali gus mendefinisikan taraf pengantarabangsaan universiti awam itu sendiri (Jeptoo & Razia, 2012). Menjelang tahun 2025, universiti awam di Malaysia meletakkan jangkaan sebanyak 35% pengamal profesional bertaullah dalam kakitangan akademik (MOE, 2019). Ketetapan tersebut dijadikan sebahagian dari syarat kualiti akademik terutamanya bagi tujuan kenaikan pangkat.

“Secara logiknya melalui perkongsian pintar dengan pihak industri, Universiti Awam boleh mengesyorkan agar pihak profesional bertaullah dari kalangan kakitangan akademik seperti saintis, jurutera, pengamal kesihatan di ambil untuk berkolaborasi. Partisipasi dari universiti dalam memberi rundingan berdasarkan kepakaran bidang kakitangan akademik yang terlibat boleh menambah nilai kepada perniagaan industri yang terlibat.” (Akademik Ekspatriat 4)

Rumusan

Proses pengantarabangsaan pendidikan tinggi di Malaysia menjadi satu alasan yang kukuh untuk melaksanakan perubahan dalam sistem pendidikan tinggi. Bagi mencapai sasaran untuk menjadi pusat kecemerlangan ilmu peringkat dunia pastinya memerlukan pelbagai dasar, inisiatif dan sumber manusia, seperti meningkatkan kualiti program dan kapasiti pelajar cemerlang, membawa masuk sarjana akademik tersohor dan bergiat aktif di peringkat antarabangsa, menawarkan pelbagai geran penyelidikan dan inovasi, mengangkasa penerbitan dan sebagainya. Dalam konteks meraih hasil kerjasama antara institusi swasta dan awam, pihak universiti boleh mengutilisasikannya melalui akses kepada ekosistem penyelidikan dan inovasi, pengetahuan, jaringan, sumber dan teknologi. Rakan kolaborasi turut dapat memanfaatkan daripada ketersediaan pihak universiti dalam aspek menambah nilai, memaju inovasi, meningkatkan daya saing dan kecekapan, yang akhirnya mempunyai kelangsungan dengan pertambahan keuntungan dan keterlihatan reputasi perniagaan mereka.

Justeru itu, kajian pengalaman ekspatriasi yang mempunyai kelangsungan dengan dasar pengantarabangsaan universiti awam ini dianggap begitu signifikan serta boleh dimanfaatkan oleh beberapa pihak seperti pembuat polisi, akademik ekspatriat dan pelajar antarabangsa. Bertitik tolak dari persoalan kajian yang diunjurkan, kertas kerja ini telah merungkai pengalaman sarjana terhadap dasar pengantarabangsaan universiti awam di negara ini. Ianya meneliti isu pengambilan akademik ekspatriat serta pelajar antarabangsa sama ada berupaya mengukuhkan status universiti awam sebagai universiti berprestij dan menempatkannya di persada antarabangsa. Strategi ini selaras dengan objektif “Memperlihatkan Keterlihatan Reputasi di Peringkat Antarabangsa” di mana hasil kajian ini menawarkan bukti khusus tentang bagaimana akademik ekspatriat menilai peranan mereka dalam menyumbang secara positif ke arah pengantarabangsaan melalui jalinan hubungan kukuh di peringkat global.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Bibliografi

- Al-Haque, R. (2019). University Internationalization, Immigration, and the Canadian Dream: How Federal Citizenship Immigration Legislation Marginalizes International Graduate Students. *Journal of Comparative and International Higher Education*, 9(3), 5-9.
- Azman, N., Sirat, M., & Ahmad, A. R. (2014). Higher education, learning regions and the Malaysian transformation policies. *Higher Education Policy*, 27(3), 301–321.
- Babbie, E. (2017). The basics of social research (7th Ed.). Boston, MA: Cengage Learning.
- Choudaha, R. (2018). A Third Wave of International Student Mobility: *Global Competitiveness and American Higher Education in Higher Education*.
- Creswell, J. W. (2014). Research design: *Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage, Oaks.
- Eriksson, P and Kovalainen, A. (2016). *Qualitative Methods in Business Research*. 2nd ed. London, Thousand Oaks, New Delhi and Singapore: Sage.
- Farina, Y., Koo, Y. L., & Yazrina, Y. (2015). *Internationalisation of Higher Education: Insights from Malaysian Higher Education Institutions*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Flick, U. (2014). An Introduction to Qualitative Research (5th Ed.). SAGE, London.
- Herlina, J., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., and Hasbullah, A. (2018). International Student Destination Choice: Institutional Influence. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):139-147.
- Irma Wani, O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., & Anna Lynn, A. B. (2021a). Career Verdure and Wellness Signification Among Academic Expatriate Members of Malaysian Private University. *Linguistica Antverpiensia*, 2021 (1): 420-437.
- Irma Wani, O. (2021a). Enkulturasi Ekspatriasi Sarjana Global. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM).
- Irma Wani, O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., & Anna Lynn A. B. (2021b). Career Verdure and Wellness Signification Among Academic Expatriate Members of Malaysian Private University. *Linguistica Antverpiensia*, 2021 (1): 420-437.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Mohd Kamal, M. S., Romzi, A., Mohd Sohaimi, E., & Halina Sandera, M. Y. (2021c). The Health Enhancement Impact of Self Assimilation in Academic Achievement Amongst International Students in Malaysian Public Universities. *Sys Rev Pharm*. 12(3): 540-551.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Mohd Sohaimi, Esa., Mohd Azri, I., Budi Anto, M, T., & Mohd Kamal, M. S. (2020a). Relevansi Pembangunan Kendiri Dalam Pemantapan Kerjaya Ahli Akademik Ekspatriat Di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. 5 (37): 253-269.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Siti Aidah, L., @ L, Romzi, A., Abang Mohd Razif A. M., Mohd Kamal, M. S. (2020b). Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*. 5 (21): 138-159.
- Irma Wani, O. (2020c). Lensa Sosialisasi Ekspatriat Akademik. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM).
- Irma Wani, O., Hasbullah, A., & Norazah, M. S. (2019a). First Year International Students' Experience in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2): 23-38.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Irma Wani, O., Herlina. J., & Norazah, M. S. (2019b). Factors Affecting the Tendency of International Students to Pursue Study in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2):185-200.
- Irma Wani, O., Nur Hidayah Iwani, M. K., Bakar, A. H., and Muhammad Safuan, Y. (2018a). The Internationalization of Malaysian Public Higher Education Institution: A Study of Academic Expatriate Experiences. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):129-138.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Abu Bakar, A. H., Hasbullah, A., and Herlina, J. (2018b). Implications of International Students Expatriation on the Improvement Life Quality on the Host Country. *International Journal of Law, Government and Communication*. 3(7):40-52.
- Irma Wani, O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., Norazah, M. S., Hasbullah, A., dan Herlina, J. (2017). Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi: Amalan dan Cabaran. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017):98-108.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., dan Herlina, J. (2016a). Mengantarabangsakan Pendidikan Tinggi: Universiti dan Kewarganegaraan Global. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*. 3(5):107-118.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., dan Herlina, J. (2016b). Dinamisme Pendidikan Tinggi: Pembinaan Modal Insan Antarabangsa. *Journal of Education and Social Sciences*. 5(2):339-345.
- Jeptoo, M. L., & Razia, M. (2012). Internationalization of Higher Education: Rationale, Collaborations and its implications. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 1(4), 365-372.
- Madge, C., P. Raghuram, and P. Noxolo. (2015). Conceptualizing International Education from International Student to International Study. *Progress in Human Geography*, 39 (6): 681-701.
- Miandy Munusamy and Azirah Hashim. (2019). Internationalisation of Higher Education In Malaysia: Insights from Higher Education Administrators. *International Journal of Asia-Europe Relations*, 5 (1): 21-39.
- Ministry of Education (MOE). (2019). Statistik Perangkaan Ekspatriat Akademik di Malaysia 2010-2019. Diakses pada 20 Mac 2021, dari <http://moe.gov.my/muat-turun/awam/statistik/2019>.
- Ministry of Education (MOE). (2019). Statistik Perangkaan Pelajar Antarabangsa di Malaysia 2011-2019. Diakses pada 20 Mac 2021, dari <http://moe.gov.my/muat-turun/awam/statistik/2019>.
- Ministry of Education (MOE). (2021). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Diakses pada 20 Mac 2021, dari <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/1818-pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025>
- Mohd Ismail, A. A., & Doria, A. (2014). Finding the Next ‘Wave’ In Internationalisation of Higher Education: Focus on Malaysia. *Asia Pacific Education Review*, 15(3), 493-502.
- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Rudie Adie, R., dan Norazah, M. S. (2016). Masa Depan Kerjaya, Perhubungan Kekeluargaan dan Pegangan Hidup Sebagai Motif kspatriasi Akademik Ekspatriat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 10(2016):101-114.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M. S., dan Rudie Adie, R. (2015). Kerjaya dan Ekonomi Sebagai Motif Ekspatriasi Ekspatriat Akademik Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat And Society*, 9(2015): 36-47.
- Nicholls, S. (2018). Influences on International Student Choice of Study Destination: Evidence from The United States. *Journal of International Students*, 8 (2): 597-622.
- Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Lukin, S. A., & Hamid, J. A. (2021a). Visibiliti Integrasi Sistem Infrastruktur dan Kesalinghubungan Keber tanggungjawaban Universiti dalam Konteks Menjana Kelestarian Persekitaran Pembelajaran Kondusif Kampus Bertaraf Antarabangsa. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23): 23-41.
- Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Hajimin, M. N. H. H., & Muis, A. M. R. A. (2021b). Signifikansi Prinsip Hidup Merujuk Keterkaitan Agama, Budaya, Amalan Kepercayaan dan Wawasan Dunia Secara Keseluruhan (Worldview): Motif Ekspatriasi Ahli Akademik Islam dalam Membina Kerjaya di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23): 85-103.
- Shahijan, M. K., Rezaei, S., & Preece, C. N. (2016). Developing A Framework of Internationalisation for Higher Education Institutions in Malaysia: A SWOT Analysis. *International Journal of Management in Education*, 10(2), 145–173.
- Suryandari, R., Jaafar, M., dan Hamzah, N. (2014). Mengantara bangsakan Ruang Pendidikan Tinggi Malaysia: Pengalaman. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (3): 60-72.
- Tham, S. Y. (2013). Internationalizing Higher Education in Malaysia: Government Policies and University's Response. *Journal of Studies in International Education*, 17(5), 648-662.
- Wadhwa, R., & Jha, S. (2014). Internationalization of Higher Education: Implications for Policy Making. *Higher Education for The Future*, 1(1), 99–119.